


PENGANGGURAN BELIA: SOLUSI DPPM

Tim Penyelidik Sosio-Ekonomi, IPS



BELIA MENGANGGUR: SEKILAS PANDANG

Pengangguran belia yang juga disebut sebagai 'youth unemployment' bukanlah sesuatu yang terlalu asing bagi kita. Ia adalah satu fenomena global dan ini diakui oleh semua pihak termasuklah pakar-pakar ekonomi terkemuka dunia. Namun demikian, mengikut Profesor Joseph E. Stiglitz, Penerima Hadiah Nobel Ekonomi 2001, '*unemployment is not a fate*' tetapi adalah, '*a consequence of political and macroeconomic choices*'¹. Dengan kata lain, kita boleh dan mampu mengubah situasi ini dengan keazaman politik dan pilihan polisi yang tepat.

International Labour Organization (ILO) sebuah badan di bawah PBB, telah menganggarkan lebih 75 juta orang belia menganggur di seluruh dunia. Kadar pengangguran belia global daripada tahun 2009 sehingga kini kekal tinggi sekitar 2 dan 3 kali ganda berbanding angka purata global iaitu di paras 12.9% sehingga 13.2%².

Dalam konteks Malaysia, kadar pengangguran belia adalah dalam trend meningkat iaitu sekitar 9.94% pada tahun 2011 dan mencecah angka 10.92% tahun lepas. Secara keseluruhan, hampir 300,000 orang belia menganggur dalam tahun 2018³. Ini adalah satu angka yang besar dan harus diberikan perhatian yang khusus oleh pihak berwajib. Pihak kerajaan tidak harus berpuas hati dengan kadar pengangguran keseluruhan Malaysia yang kekal rendah sekitar 3% kerana pengangguran belia yang tinggi adalah bom jangka yang mampu menjejaskan kemapanan ekonomi Malaysia pada masa depan. Setakat ini, inisiatif kerajaan dilihat masih gagal dalam menurunkan kadar pengangguran belia di Malaysia. Ini sebenarnya kerana semua inisiatif ini tidak dilaksanakan dengan sistematik bersama pihak industri dan majikan yang merupakan pemegang taruh utama dalam isu ini.

FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB

Sebelum kita menelusuri lebih lanjut tentang aspek solusi, mari kita cuba dalam faktor-faktor penyebab masalah pengangguran belia ini. Dalam banyak kajian yang telah dijalankan oleh pelbagai badan penyelidik di seluruh dunia, masalah pengangguran belia adalah sesuatu yang bersifat 'multifactorial' dan harus dilihat secara holistik dari pelbagai aspek. Ini termasuklah⁴:

- a. Kekurangan maklumat, jaringan dan bimbingan kerjaya di kalangan pelajar, graduan & pekerja belia.

Situasi ini sebenarnya adalah sesuatu yang lazim kerana dalam usia muda, adalah agak mustahil untuk memiliki jaringan dan informasi yang lengkap khususnya berkenaan alam pekerjaan dan apa yang dimahukan oleh pihak industri di luar sana. Ia kebanyakannya bergantung kepada tahap sosioekonomi keluarga individu tersebut dan ini secara tidak langsung, mewujudkan keadaan yang berat sebelah di mana mereka yang berada dalam keluarga B40 mungkin akan tidak mampu bersaing dengan pelajar-pelajar di kalangan M40 dan seterusnya yang jelas mempunyai akses maklumat dan jaringan kepada keperluan alam pekerjaan semata-mata atas dasar 'social capital' dan 'financial capital' sedia-ada yang dimiliki oleh golongan ini.

- b. Kekurangan kemahiran yang diperlukan oleh industri dan pasaran.

Faktor ini bergantung sepenuhnya kepada tahap pendidikan belia itu sendiri dan berkait langsung dengan sistem pendidikan di Malaysia. Dalam bancian oleh Malaysian Employers Federation (MEF) pada tahun 2016, 90% majikan menyatakan kelemahan dalam Bahasa Inggeris sebagai salah satu punca graduan tidak diambil bekerja manakala 73% menyebut tentang kelemahan dari aspek kemahiran menyelesaikan masalah dan komunikasi sebagai penghalang utama golongan graduan gagal mendapatkan pekerjaan⁵. Selain itu, kelemahan graduan dalam kemahiran teknikal juga menjadi punca utama ketidakbolehpasaran mereka.

- c. Kekurangan pengalaman yang relevan dengan keperluan industri.

Aspek ini juga mempunyai kaitan terus dengan sistem pendidikan Malaysia yang dilihat monolitik dan terlalu fokus kepada elemen akademik semata-mata. Pengalaman yang relevan dengan keperluan industri sebenarnya adalah kemahiran teknikal dan vokasional yang amat kritikal kepada industri pembuatan Malaysia yang menjadi tunjang pembangunan ekonomi negara. Pengiktirafan masyarakat terhadap pendidikan teknikal dan vokasional juga adalah rendah yang menyebabkan pelajar kurang memahami dan berminat kepada sektor ini. Mengikut kajian, hanya 13% pelajar sekolah menengah berada dalam aliran teknikal & vokasional dan hanya 9% melanjutkan pelajaran di politeknik⁶. Dalam masa yang sama, kajian 'School-to-Work Transition' oleh Khazanah Research Institute (KRI) menunjukkan hanya sekitar 32% mahasiswa mengambil kursus-kursus berkaitan STEM di menara gading⁷ yang amat penting untuk memajukan sektor perindustrian negara.

- d. Kekurangan peluang pekerjaan berkualiti untuk graduan.

Mengikut kajian oleh Bank Negara Malaysia (BNM), antara 2010 dan 2017, jumlah graduan yang memasuki pasaran pekerjaan telah melebihi jumlah peluang pekerjaan yang tersedia untuk diisi. Menurut laporan BNM ini, secara purata 173,457 orang graduan dihasilkan setiap tahun tetapi hanya 98,514 posisi

untuk pekerjaan berkemahiran tinggi yang ditawarkan oleh majikan sepanjang tempoh tersebut⁸. 'Mismatch' ini adalah serius dan menunjukkan ketidakcekapan pihak kerajaan dan swasta dalam menghasilkan peluang pekerjaan berkualiti kepada belia. Situasi ini dibuktikan lagi dengan dapatan oleh Khazanah Research Institute yang menunjukkan 37% - 95% pekerja belia adalah 'over-qualified' untuk posisi pekerjaan mereka bagi kategori pekerjaan kemahiran rendah dan hanya 60% mendapat pekerjaan yang berpadanan dengan kelayakan untuk kategori pekerjaan kemahiran tinggi⁹.

PELUANG & CADANGAN SOLUSI

DPPM melihat isu pengangguran belia sebagai satu isu yang mustahak untuk diselesaikan secara komprehensif agar kemajuan ekonomi Malaysia akan dapat terus dipacu secara mampan. DPPM merasakan 'success factor' kepada usaha ini perlu ditunjangi oleh strategi tiga-pihak (tripartite) iaitu KERAJAAN, INDUSTRI dan BELIA yang perlu dirintis atas semangat Kemakmuran Bersama yang mana kerjasama erat ini bakal menghasilkan kesejahteraan ekonomi yang boleh dikongsi oleh semua dan tidak hanya untuk sesetengah pihak sahaja. Pendekatan ini amat penting kerana dalam situasi multi-bangsa dan multi-agama yang sudahpun menjadi identiti asas Malaysia, ditambah pula dengan kesenjangan ekonomi antara-kaum yang amat lebar, pendekatan unilateral (satu pihak) hanya akan meningkatkan suhu politik perkauman di negara ini yang dikhuatiri akan memusnahkan keharmonian kaum yang telah kita bina selama ini.

Strategi tiga-pihak ini harus digembleng untuk menjayakan usaha khusus mengurangkan pengangguran belia dengan menumpukan kepada 7 cadangan polisi berteraskan kepada pembangunan keupayaan belia baik dari aspek 'employability' mahupun 'entrepreneurship' seperti di bawah:

i. KERJASAMA ANTARA INDUSTRI & INSTITUSI PENDIDIKAN DALAM MEWUJUDKAN KURIKULUM PENDIDIKAN MENENGAH YANG MESRA-INDUSTRI & SME

DPPM merasakan kurikulum sekolah menengah sedia-ada harus ditambahbaik dengan mengambil kira input daripada pihak industri dan majikan khususnya bagi sektor ekonomi utama negara. Di peringkat menengah, kurikulum tersebut harus lebih bersifat realis dan praktikal dengan mengambil kira keperluan semasa industri dan majikan agar kesedaran awal tentang kerjaya yang tepat dari aspek kebolehpasaran dan 'employability' dapat dipupuk. Sesi 'engagement' dan bimbingan kerjaya dengan pekerja-pekerja dari sektor ini harus digerakkan agar pelajar menjadi lebih jelas dalam menilai sesuatu aliran, jurusan dan kursus yang ingin mereka pilih di peringkat lanjutan kelak. Inisiatif sebegini akan memberi 'a levelled playing field' kepada pelajar dari keluarga B40 agar mendapat informasi kerjaya dan alam pekerjaan yang lebih tepat yang sebelum ini, mungkin hanya mampu diakses oleh mereka dari keluarga kelas menengah dan lain-lain.

Selain itu, pemupukan minat dalam pendidikan STEM yang strategik kepada pembangunan sektor industri utama seperti Elektrik & Elektronik, Hasil Petroleum dan Bahan Kimia yang merupakan penyumbang penting kepada pertumbuhan KDNK negara, harus terus diberi perhatian khusus dengan menumpukan kepada aspek Pengajaran & Pembelajaran (P&P) yang lebih berkesan. Keperluan sektor SME (Small & Medium Enterprises) yang menyumbang sekitar 38% kepada KDNK Malaysia¹⁰ juga harus diberi perhatian kerana sektor ini bukan sahaja penting dari aspek penyumbang pendapatan negara tetapi juga merupakan majikan terbesar Malaysia¹¹ dengan 65% pekerjaan adalah disumbangkan oleh SME. Sudah tiba masanya untuk pelajar Malaysia di peringkat menengah & universiti diberi pendedahan yang lebih dekat dengan sektor SME ini.

Aspek penguasaan Bahasa Inggeris, kemahiran menyelesaikan masalah dan berkomunikasi yang penting dalam semua sektor pekerjaan dan industri harus diberikan perhatian yang lebih khusus agar penerapannya dapat berlaku secara lebih berkesan serta harus lebih bersifat praktikal dan 'hands-on' dan bukan hanya berdasarkan kriteria akademik semata-mata.

ii. PENAIKTARAFAN SEKTOR PENDIDIKAN TEKNIKAL & VOKASIONAL

Sektor pendidikan teknikal dan vokasional harus dinaiktaraf agar setara dengan aliran perdana yang lain. Stigma negatif yang meletakkan lulusan teknikal dan vokasional sebagai kelas kedua harus dibuang dengan menjadikan konten kurikulum aliran ini kompetitif dengan aliran STEM. Elemen kemahiran tinggi berasaskan teknologi maju yang selaras dengan cabaran Revolusi Industri 4.0 termasuklah kecerdikan buatan, robotik & automasi harus dimasukkan agar graduan aliran ini dilihat sebagai pemain penting dalam melonjakkan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi.

Kepentingan pendidikan teknikal dan vokasional ini dibuktikan lagi dengan kajian Khazanah Research Institute (KRI) yang menyebut bahawa majoriti pekerja belia sendiri (20%) yang menyatakan TVET (pendidikan teknikal & vokasional) adalah syarat penting untuk mereka diambil bekerja¹². Aspek penawaran gaji graduan TVET yang dilihat jauh lebih rendah berbanding graduan universiti juga perlu dikaji semula agar lebih ramai pelajar melihat potensi aliran ini dengan lebih positif. Dapatan KRI yang menunjukkan gaji purata graduan TVET yang hanya RM 1,270 sebulan berbanding graduan universiti yang berada sekitar RM 1,703 sebulan¹³ adalah sesuatu yang perlu dinilai semula agar nilai ekonomi sebenar aliran teknikal dan vokasional yang merupakan teras operasi sesebuah industri dapat direalisasikan.

iii. PEMBINAAN EKOSISTEM LATIHAN DALAM INDUSTRI YANG LENGKAP

Kerjasama industri dengan institusi pendidikan perlu diperkasakan agar satu ekosistem latihan dalam industri yang lengkap dapat diwujudkan. DPPM ingin mencadangkan agar program latihan dalam industri sekurang-kurangnya 9 bulan diwajibkan untuk semua mahasiswa agar mereka mendapat pendedahan awal

tentang alam pekerjaan sebenar dan dalam masa yang sama, mampu meningkatkan kemahiran teknikal dan 'soft skills' yang lain secara praktikal. Pengalaman 9 bulan mereka dalam industri harus diiktiraf sebagai pekerjaan sebenar dengan mewujudkan satu panduan jelas dalam menjalankan program latihan dalam industri ini. Program ini seharusnya diwujudkan dengan kerjasama majikan dan universiti secara berstruktur dan tersusun serta mempunyai sistem penilaian pencapaian yang jelas bagi mengukur keberkesannya dalam meningkatkan kebolehpasaran pelajar terlibat.

Program ini tidak hanya wajib untuk mereka dalam jurusan STEM tetapi untuk semua jurusan agar semua mahasiswa mendapat manfaat daripada pendedahan dan pengalaman di alam pekerjaan sebenar. Aspek elaan dalam latihan boleh dirunding antara pihak kerajaan dan industri agar satu konsensus dicapai supaya situasi menang-menang antara pelatih dan majikan dapat dicapai. Elemen pencapaian sumbangan pelatih kepada industri harus diberi fokus agar aspek elaan ini menjadi lebih mudah untuk dilaksanakan. Konsep 'performance-linked wage system' (PLWS)¹⁴ boleh digunakan sebagai asas kepada penilaian elaan latihan dalam industri ini.

Program latihan dalam industri juga harus dilebarkan kepada para pelajar peringkat menengah khususnya bagi mereka yang berada dalam aliran teknikal dan vokasional agar pembelajaran mereka lebih praktikal dan memberi nilai tambah kepada kebolehpasaran mereka kelak. Model 'apprenticeship' yang diamalkan di Jerman yang menggabungkan pembelajaran teknikal dan vokasional di dalam kelas dan pembelajaran secara latihan di perusahaan dan industri di luar sekolah boleh diharmonikan untuk perlaksanaannya di Malaysia¹⁵.

iv. WAKAF PEMBANGUNAN START-UP BELIA

Dalam suasana ekonomi domestik dan antarabangsa yang kian suram, adalah penting untuk kita mempersiapkan golongan pelajar dan belia dengan kemahiran keusahawanan & inovasi yang mampu menjadikan mereka lebih 'robust' dalam menghadapi cabaran kehidupan selepas sekolah mahupun universiti. Pekerjaan tetap mungkin sesuatu yang sukar untuk dicapai dalam situasi seumpama ini dan golongan belia harus diberikan peluang untuk menceburi dan meneroka peluang perniagaan dan bisnes secara lebih sistematik. Tidak dinafikan bahawa dunia perniagaan bukanlah sesuatu yang sesuai untuk semua tetapi budaya keusahawanan adalah sesuatu yang boleh dipupuk dan diberikan bantuan serta sokongan supaya kebarangkalian untuk berjaya bagi sesuatu bisnes itu adalah lebih tinggi.

Untuk itu, kita harus membangunkan satu ekosistem pembangunan start-up belia yang lengkap agar para usahawan belia mampu membangunkan tawaran solusi mereka kepada pasaran dengan lebih berkesan. Malaysia harus meletakkan sasaran pasaran start-up belia kita ini untuk pergi jauh melepasi sempadan Malaysia sendiri dan 'leverage' kepada pasaran ASEAN yang berjumlah lebih 600 juta penduduk¹⁶. Di samping itu, Malaysia juga seharusnya memfokuskan kepada pasaran ekonomi halal global khususnya negara-negara OIC yang bernilai lebih USD 6.4 trilion pada tahun 2018¹⁷. Dengan jumlah penduduk

Malaysia yang hanyalah sekitar 30 juta orang, kita harus menjadikan pendekatan eksport sebagai tunjang pengembangan ekonomi negara.

Atas wawasan yang besar ini, DPPM ingin mencadangkan penubuhan sebuah badan khas yang dianggotai oleh pihak kerajaan, industri dan pertubuhan belia untuk membentuk satu 'national pact' untuk membangunkan start-up belia berasaskan teknologi dan inovasi tinggi yang menumpukan kepada menghasilkan solusi sebenar kepada keperluan pasaran ASEAN dan OIC termasuklah pasaran halal global. Kami mencadangkan agar model wakaf yang disumbangkan oleh pemain industri, GLC dan juga rakyat di semua peringkat digembleng untuk mewujudkan ekosistem start-up belia yang lengkap dan berdaya saing. Ekosistem yang lengkap ini harus menggabungkan semua aspek kritikal pembinaan sebuah bisnes yang berjaya meliputi aspek latihan, bimbingan, pembangunan produk & inovasi, 'marketing & branding intelligence', akses pasaran, pembangunan pasaran domestik & eksport, dana & geran serta sistem sokongan khususnya dalam aspek pengurusan perniagaan dan pengembangannya. Walaupun menggunakan model wakaf, peluang pembangunan start-up belia ini harus terbuka kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama. Selain wakaf, model-model 'Islamic social financing' yang lain seperti zakat dan sadaqah juga harus diteroka dan dibangunkan untuk merealisasikan wawasan strategik ini¹⁸.

v. INSENTIF PENGECUALIAN CUKAI KEPADA ENTITI PERNIAGAAN BELIA

Insentif pengecualian cukai harus diberikan kepada entiti-entiti perniagaan belia yang sedia-ada di samping start-up baru yang sedang berkembang. Pendekatan ini akan memberi galakan kepada golongan usahawan belia untuk fokus kepada pengembangan dan pemantapan bisnes mereka sekurang-kurangnya melepasi fasa 3 tahun terawal penubuhan syarikat mereka.

Kriteria yang jelas untuk kategori entiti perniagaan belia ini meliputi perniagaan milikan tunggal, perkongsian, PLT dan Sdn Bhd harus digubal bagi memastikan insentif ini dapat disalurkan secara efektif kepada usahawan-usahawan belia yang berpotensi. Kriteria utama yang harus diambil kira ialah dari segi pemilikan, pengurusan dan penggajian staf yang sewajibnya didominasi oleh golongan belia khususnya di kalangan mereka yang berumur di bawah 25 tahun.

Pengecualian cukai termasuklah cukai perniagaan, cukai pendapatan dan cukai-cukai lain yang berkaitan dijangka mampu memberi masa untuk entiti-entiti perniagaan belia ini untuk berkembang dengan sihat dalam pasaran tempatan selain mampu memberikan mereka peluang memastikan model bisnes mereka benar-benar matang dalam fasa awal ini.

DPPM juga ingin mencadangkan agar insentif ini dilanjutkan melepasi 3 tahun terawal penubuhan entiti perniagaan belia tersebut tetapi ia haruslah digabungkan dengan syarat pengambilan pekerja belia pada kadar tertentu berdasarkan prestasi bisnes mereka agar perkembangan bisnes belia memberi impak positif secara terus kepada 'employability' pekerja belia.

Pendekatan ini juga dilihat tidak terlalu membebankan kerajaan dari aspek penyediaan dana dan geran bagi menggalakkan keusahawanan belia. Ia juga praktikal dalam konteks pengurusan di mana kerajaan tidak perlu mewujudkan agensi tertentu untuk tujuan tersebut.

vi. INSENTIF PENGURANGAN CUKAI KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT DAN ENTITI MESRA-PEKERJA BELIA

Insentif pengurangan cukai juga harus diberikan kepada syarikat-syarikat GLC mahupun SME yang menyediakan peluang pekerjaan dan latihan kepada golongan belia. Pendekatan ini akan memberi galakan kepada industri untuk 'melabur' kepada bakat-bakat baru seterusnya memberi peluang kepada pekerja belia untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi mereka. Kebanyakan syarikat melihat aspek pengambilan pekerja belia sebagai sesuatu yang meningkatkan kos operasi dan membebankan syarikat. Oleh itu, melalui pendekatan ini, kerajaan secara tidak langsung membantu pihak industri untuk melihat semula polisi pengambilan pekerja baru mereka agar lebih mesra belia.

Selain itu, insentif pengurangan cukai pendapatan juga boleh dilaksanakan bagi individu yang bersedia melabur kepada entiti-entiti perniagaan belia yang dilihat sebagai berpotensi untuk maju. Pihak kerajaan perlu menyediakan satu pangkalan data yang mendaftarkan semua entiti-entiti perniagaan belia yang telah disaring dengan teliti bagi memastikan semua perusahaan belia ini memenuhi kriteria sebagai sebuah bisnes berdaya maju. Pangkalan data ini juga harus sentiasa dikemaskini agar maklumat yang terkandung adalah sahih dan berkredibiliti. Model yang serupa telah berjaya dijalankan di United Kingdom melalui inisiatif 'Seed Enterprise Investment Scheme (SEIS)' dan juga di Turki melalui inisiatif 'Business Angels Tax Incentive'¹⁹.

vii. INTENSIFIKASI 'SOCIAL ENTERPRISE' (SE) BELIA TEMPATAN

Secara definisi mudah, 'Social Enterprise' (SE) ataupun perusahaan sosial ialah suatu entiti yang cuba menyelesaikan sesuatu masalah sosial melalui model perniagaan dan praktik keusahawanan yang mampan. Ini bermaksud tujuan utama sesebuah SE adalah untuk memberi impak sosial yang positif kepada kumpulan sasarannya dan bukan semata-mata untuk mendapat keuntungan. Konsep ini kian mendapat perhatian umum dan dilihat sebagai elemen penting dalam merungkai pelbagai permasalahan masyarakat. Kini, dianggarkan terdapat lebih 20,000 SE di Malaysia yang aktif bergerak di pelbagai lapisan masyarakat Malaysia khususnya di kalangan golongan yang terpinggir²⁰.

Selain memberi impak sosial yang positif kepada masyarakat, SE mempunyai potensi ekonomi yang harus dibangunkan di Malaysia. Di United Kingdom sahaja, nilai ekonomi sektor SE dianggarkan sekitar GBP 60 bilion dengan memberi peluang pekerjaan kepada 2 juta orang²¹ di sana. Angka ini menunjukkan potensi besar sektor ini kepada Malaysia.

Antara contoh terbaik, SE yang berjaya ialah Grameen Bank yang dibina oleh Pemenang Hadiah Nobel, Prof Muhammad Yunus dari Bangladesh. Grameen Bank adalah peneraju perkhidmatan pembiayaan mikro-kredit global dan setakat ini telah memberikan pinjaman mudah kepada golongan terpinggir bernilai lebih USD 24 bilion kepada lebih 9 juta peminjam²². Model SE lain yang boleh dijadikan contoh ialah syarikat pengeluar kasut TOMS dari Amerika Syarikat. Model TOMS ialah apabila sepasang kasut dibeli oleh pelanggan, satu pasang lagi akan didermakan oleh TOMS untuk golongan miskin di Afrika. Selain menderma kasut, TOMS juga menyumbang kepada isu-isu sosial terpilih di Afrika seperti kesihatan mata, bekalan air bersih dan 'safe birth'²³.

Untuk itu, DPPM ingin mencadangkan agar inisiatif intensifikasi SE perlu digerakkan secara sistematik di kalangan belia agar potensi sosio-ekonomi sektor ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat. Melalui kajian khas British Council kepada SE di Malaysia, didapati masalah utama kepada pengembangan sektor ini ialah kesedaran awam dan kekurangan dana dalam menampung operasi perusahaan SE ini²⁴. Untuk itu, kempen kesedaran awam melibatkan belia harus digerakkan dengan lebih giat bagi menggalakkan penglibatan usahawan belia dalam sektor ini. Dalam masa yang sama, penganjuran program latihan pembangunan SE yang praktikal harus dijalankan di semua peringkat belia baik di sekolah-sekolah mahupun universiti agar kesedaran dan apresiasi kepada potensi SE dapat dipupuk dari awal.

PENUTUP

Walaupun kadar pengangguran Malaysia stabil sekitar 3% tetapi kadar pengangguran belia adalah dalam trend meningkat dan sekitar 3 kali ganda berbanding purata nasional. Dengan bilangan penganggur belia yang menghampiri angka 300,000 orang pada tahun 2018, jelas potensi sebenar golongan belia dalam pembangunan negara masih belum digembleng dengan sepenuhnya. Namun dengan cadangan polisi belia DPPM yang berteraskan kepada pembangunan keupayaan belia baik dari aspek 'employability' mahupun 'entrepreneurship' melalui strategi kerjasama tiga pihak melibatkan KERAJAAN, INDUSTRI & BELIA adalah diyakini potensi belia kita dalam agenda '*to create a better Malaysia*' pasti mampu direalisasikan.

¹ <https://www.morningfuture.com/en/article/2017/06/26/stiglitz-unemployment-is-not-a-fate/18/>

² http://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---dcomm/documents/publication/wcms_188810.pdf

³

http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Views_A%20Statistical%20Snapshot%20of%20Youth%20Unemployment.pdf

⁴ <https://www.manpowergroupsolutions.com.au/news/wanted-energized-career-driven-youth/22713/>

⁵ <https://theaseanpost.com/article/who-blame-malysias-jobless-youths>

⁶ <https://jpkmalaysia.com/tag/khazanah-research-institute-kri/>

⁷ <https://www.thestar.com.my/news/education/2018/12/16/understanding-our-youths>

⁸ <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/fresh-grads-in-malaysia-struggling-to-find-jobs>

⁹ http://www.krinstitute.org/What_We_Are_Reading_@-Belia_Realistik_Tidak_Cerewet.aspx

¹⁰ <https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-sme-contribution-gdp-383-2018>

¹¹ <https://www.worldbank.org/en/news/feature/2016/07/05/small-is-the-new-big---malaysian-smes-help-energize-drive-economy>

-
- ¹² <https://jpkmalaysia.com/tag/khazanah-research-institute-kri/>
- ¹³ <https://jpkmalaysia.com/tag/khazanah-research-institute-kri/>
- ¹⁴ <http://www.mef.org.my/MEFITN/nst061209a.pdf>
- ¹⁵ <https://www.insidehighered.com/views/2018/03/27/how-adapt-german-apprenticeship-model-work-best-us>
- ¹⁶ <https://www.mckinsey.com/industries/public-sector/our-insights/understanding-asean-seven-things-you-need-to-know>
- ¹⁷ <http://www.mifc.com/index.php?ch=28&pg=72&ac=90&bb=uploadpdf>
- ¹⁸ <https://www.inceif.org/isf-articles-and-publications/>
- ¹⁹ [https://www.ey.com/Publication/vwLUAssets/EY-Avoiding-a-lost-generation/\\$FILE/EY-G20-youth-unemployment.pdf](https://www.ey.com/Publication/vwLUAssets/EY-Avoiding-a-lost-generation/$FILE/EY-G20-youth-unemployment.pdf)
- ²⁰ <https://www.thestar.com.my/business/smebiz/2019/03/25/enabling-social-entrepreneurship>
- ²¹ <https://sewfonline.com/resource/>
- ²² <https://www.forbes.com/sites/lilachbullock/2019/03/05/2019s-top-5-most-innovative-and-impactful-social-enterprises/#54230dd4774a>
- ²³ <https://www.toms.com/improving-lives>
- ²⁴ https://www.britishcouncil.org/sites/default/files/the_state_of_social_enterprise_in_malaysia_british_council_low_res.pdf